

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 2/6/2008

Dr. Mahathir tersenyum semasa mahu berucap

UM - 2/6/2008

KOTA BHARU 1 Jun - Seorang saksi memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad sempat tersenyum semasa bangun berucap melalui bumbung kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero ketika tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada 28 Julai dua tahun lalu.

Mohd. Zakhir Mohamad, 40, yang juga seorang perunding berkata, pada hari tersebut beliau ditugaskan untuk mengambil bekas Perdana Menteri itu di lapangan terbang berkenaan dengan kenderaan terbabit.

Katanya, sebelum kejadian berlaku, dia berada di bahagian depan sebelah kanan kenderaan tersebut dan melihat Dr. Mahathir bangun untuk berucap kepada orang ramai yang menunggu di pekarangan lapangan terbang.

"Saya berada di sebelah pintu bahagian pemandu kenderaan ini

kerana mahu melihat Tun berucap, ketika itu beliau berdiri dan memegang alat pembesar suara untuk berucap sambil tersenyum melalui bumbung lut sinar kenderaan ini.

"Bagaimanapun secara tiba-tiba saya terasa seperti terbakar, kemudian saya masuk ke dalam kenderaan tetapi keadaan bertambah teruk apabila saya mula terasa sukar untuk bernafas, pada masa yang sama saya dengar orang menjerit 'korang nak buat jahat'.

"Selepas itu saya melihat dua lelaki telah menarik Tun keluar daripada kenderaan ini dan membawanya menaiki sebuah kereta berwarna hitam sebelum berlalu pergi," katanya.

Beliau berkata demikian pada hari ke-15 percikaraan ini dan ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, yang didakwa menyebabkan kecederaan ke atas empat lelaki termasuk Dr. Mahathir secara menyembur bahan

berbahaya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini kira-kira pukul 11 pagi, 28 Julai 2006.

Ahli perniagaan itu didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum tiga tahun, denda, sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Perbicaraan didengar di hadapan Majistret Azman Mustapha sementara pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran dan Noor Ezwanee Mohamad.

Tiga peguam bela, Mohd. Ilyas Mohd. Noor, Zainal Abidin Mustafa dan Datuk Abdul Aziz Nawi pula mewakili Nik Sapeia.

Mohd. Zakhir berkata, sebelum kejadian tersebut berlaku, timbul sedikit kekecohan apabila seorang lelaki bertubuh besar dan memakai jaket hitam cuba me-


nyekat Dr. Mahathir daripada menaiki kenderaan berkenaan.

"Sebaik sahaja tiba di lapangan terbang, Tun bersama Datuk Ibrahim Ali dan dua pengawal peribadi berjalan menuju ke kenderaan ini yang diletakkan di pintu masuk utama lapangan terbang.

"Ketika itu orang ramai cuba untuk bersalaman dengan Tun, bagaimanapun kira-kira dua langkah untuk sampai ke pintu belakang kenderaan ini, seorang lelaki 'besar' berjaket hitam muncul di hadapan dan cuba menghalang Tun.

"Tetapi dua pengawal peribadi ini berjaya menghalang lelaki terbabit dan Tun berjaya menaiki kenderaan tersebut, sebelum bangun berdiri melalui bumbung lut sinar kenderaan ini untuk berucap kepada orang ramai," katanya.

Tambahnya, beliau kemudian meninggalkan lapangan terbang terbabit bersama Ibrahim ki-



NIK SAPEIA

ra-kira 30 minit selepas kejadian tersebut berlaku dan menuju ke Balai Polis Kota Bharu untuk membuat laporan.

Perbicaraan disambung esok.